

Pendirian PM terhadap Israel disokong

30 DEC 1993

^(b)
KUALA LUMPUR, Rabu — ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~ mengambil sikap dan pendirian tegas berhubung kenyataannya Malaysia tidak mahu mengiktiraf dan mewujudkan hubungan diplomatik dengan Israel.

Sambil mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri itu, beberapa tokoh berkata pendirian serupa harus diambil oleh negara lain, khususnya negara Arab selagi regim zionis itu enggan mengiktiraf sebuah negara Palestin yang merdeka.

Duta Besar Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra, berkata langkah tegas kerajaan itu harus dicontohi negara lain kerana ia membantu Palestin meneruskan komitmen dan perjuangan rakyatnya ke arah mencapai matlamat mewujudkan sebuah negara yang berdaulat.

"PLO menuntut Israel supaya mengiktiraf kewujudan negara Palestin. Jika Israel enggan mengiktiraf ini bermakna mereka menafikan hak asasi seluruh rakyat Palestin," katanya kepada Berita Harian, di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata walaupun Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Israel menandatangani perjanjian damai ke arah memberi kuasa autonomi kepada Palestin, keadaan itu masih belum mencukupi bagi Malaysia mengiktiraf negara Yahudi itu.

Menurut Perdana Menteri, Israel masih gagal melaksanakan sedikit syarat yang terkandung dalam perjanjian itu, termasuk tiada jaminan untuk menggunakan tindakan kekerasan terhadap Palestin.

Perjanjian damai itu antara lain memberi kuasa kepada Palestin menadbir wilayah Jericho dan Gaza, di kawasan tebing Barat.

Katanya, sikap dan pendirian sebenar regim zionis Israel ialah cuba menghapus dan memadamkan identiti serta kewujudan negara Palestin.

"Apa yang kami (PLO) mahu ialah hak yang sah di segi politik dan geografi serta mendapat pengiktirafan Israel walaupun menempuh perjuangan yang sukar," katanya.